

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG**  
**KAWASAN : BUKIT MERTAJAM**

**SOALAN NO. 422**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan punca penangguhan penaiktarafan Jalan Permatang Tinggi dan Jalan Bukit Tengah di Bukit Mertajam yang telah dirancang 10 tahun yang lalu, perincian kos yang terlibat, dan jangka masa projek tersebut akan bermula dan disempurnakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Permatang Tinggi - Bukit Tengah yang dimaksudkan adalah Laluan Persekutuan 1 (FT001). Kementerian ini pernah mengangkat permohonan projek di lokasi yang sama dengan tajuk Menaiktaraf FT001 Daripada Jalan 2 Lorong Kepada 4 Lorong Dari Bukit Minyak (Seksyen 740.40) ke Bukit Tengah (Seksyen 746.10), Seberang Perai Tengah dalam *Rolling Plan 1* (RP1), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Walau bagaimanapun permohonan tersebut tidak diluluskan oleh Agensi Pusat.

Bagi RP1 (2021), Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12), Kementerian ini sekali lagi telah mengangkat projek untuk lokasi yang sama dengan tajuk Projek Menaiktaraf Jalan Tunggal 2 Lorong Kepada Jalan Berkembar 4 Lorong Dari Permatang Tinggi (Sek 740.4) ke Sungai Juru (Sek 746.4), Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dengan kos berjumlah RM610 juta. Walau bagaimanapun, ianya tidak mendapat kelulusan daripada Agensi Pusat disebabkan keutamaan dan siling peruntukan yang terhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini akan meneliti semula cadangan projek ini sekiranya dimohon untuk Rolling Plan RMKe-12 yang akan datang. Walau bagaimanapun, kelulusan projek adalah bergantung kepada Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.